

Media : Utusan TV

Date : 10 August 2023

Ajinomoto perkenal AJIRISE, inovatif industri makanan

Oleh Afiq Mohd. Shah - August 10, 2023



AJINOMOTO (Malaysia) Berhad memperkenalkan produk terbaharu syarikat itu iaitu AJIRISE sebagai salah satu produk inovatif dalam industri makanan.

Ajinomoto dalam kenyataan memaklumkan, AJIRISE didatangkan dengan dua bentuk kategori iaitu AJIRISE UM dan AJIRISE K.

Menurutnya, AJIRISE merupakan produk berkaitan ekstrak yis yang memberikan kelazatan dengan meningkatkan rasa dan aroma asal.

Syarikat itu berkata, AJIRISE UM dikenali dengan rasa 'umami' dan 'kokumi' serta sesuai digunakan bersama rempah dan krim.

Katanya, AJIRISE K pula memberikan sensasi 'kokumi' yang mantap.

"Kedua-dua produk ini juga berkesan untuk menyembunyikan rasa kekacang yang tidak diingini, rendah kandungan sodium, tidak mengandungi bahan berasaskan haiwan dan mematuhi keperluan makanan berlabel bersih.

"Produk industri baharu ini mempunyai potensi besar bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara Asia dan Asia Barat.

"AJIRISE dapat memenuhi kehendak industri makanan terutama melibatkan keselamatan makanan, peningkatan kualiti, kesihatan dan pengurangan kos.

"Keunikan produk ini terletak pada pemilihan bahan mentah yang dipilih secara teliti dan teknologi pencampuran yang inovatif," katanya dalam kenyataan.

Baca artikel berkaitan: [Ajinomoto jadi penaja bersama L'Etape Malaysia by Tour de France](#)


Mengulas lanjut, Ajinomoto memaklumkan, AJIRISE UM dan AJIRISE K digunakan secara meluas dalam pelbagai produk terutama produk berasaskan tumbuhan.

Katanya, ia juga menjadi alternatif daging haiwan dengan menyediakan solusi inovatif dalam meningkatkan tekstur dan kelazatan 'daging berasaskan tumbuhan' selain berperanan mempromosikan kelestarian global.

"Kedua-dua produk ini sejajar dengan inisiatif penciptaan nilai bersama oleh Kumpulan Ajinomoto untuk menyumbang nilai kepada industri makanan dengan mengadaptasi keperluan perubahan sosial dan alam sekitar.

"Bagi tujuan kemudahan, kedua-dua produk ini didatangkan dalam pek 1 kilogram bagi memenuhi kehendak pengeluaran makanan.

"Selain itu, produk ini juga telah menerima sijil halal dan memenuhi keperluan diet pelbagai lapisan pengguna," katanya.



Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru



"Saya menggemari oat," - Zahrah Macwilson teruja dilantik duta baharu Quaker...

August 11, 2023



Tunggang agama: Cadangan ambil tindakan dikemukakan kepada Agong - PM

August 11, 2023



Isu kerusi DUN Bayan Lepas selesai, tak lagi berbangkit - Tuan...

August 11, 2023



Tok Mat nafi terabit skandal 1CS